



Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : JPNS. SPM 600-3/5/19 Jld. 32 (41)

Tarikh : 15 Julai 2026

Pengarah

Virtual Innovation Competition

Digit 360 Sdn. Bhd.

Blok H- Harmoni Square, Tanah Merah

17500 KELANTAN

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM *INNOVATION AND ENTREPRENEURSHIP EXPO (INEX26)* 1st EDITION 2026 ANJURAN DIGIT360 SDN. BHD.

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara seperti di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh **21 Mei 2026** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran bagi program di atas dan mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor mengambil maklum perkara tersebut dan **tiada halangan** kepada **Virtual Innovation Competition** bagi penganjuran dan pelibatan guru dan murid bagi **Program *Innovation And Entrepreneurship Expo (INEX26)* 1st Edition 2026 Anjuran Digit360 Sdn. Bhd.** pada **01 Jun hingga 25 Oktober 2026 sahaja**. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur **WAJIB** mematuhi perkara-perkara berikut:

- 3.1 mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa seperti di Lampiran A;
- 3.2 pihak penganjur hendaklah memaklumkan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) senarai sekolah cadangan yang terlibat.
- 3.3 pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah boleh meminda sekolah cadangan, tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/guru/murid) berdasarkan kesesuaian;

...2/-

- 3.4 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pihak pengetua/ guru besar sekolah yang berkenaan setelah mendapat maklum balas dari JPN dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
- 3.5 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.6 pihak penganjur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan;
- 3.7 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua atau guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini dan pelibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- 3.8 pihak penganjur hendaklah memastikan guru dan murid yang bergejala tidak menyertai aktiviti secara bersemuka;
- 3.9 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.10 surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama pihak JPN. Sijil berkaitan program tidak perlu ditandatangani oleh pihak pengurusan JPN kecuali program kerjasama dengan pihak JPN secara langsung; surat maklum balas tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.11 penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran; penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini;
- 3.12 murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program yang dirancang/dilaksanakan;
- 3.13 penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;

- 3.14 guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.15 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.16 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk kos pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Ketua Pendaftar;
- 3.17 pihak penganjur hendaklah mematuhi garis panduan yang sedang berkuatkuasa sebelum merakam atau memuatnaik rakaman gambar/ video/ audio murid ke mana-mana platform media;
- 3.18 pihak penganjur perlu memastikan penggunaan premis adalah selaras dengan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa;
- 3.19 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak yang berkenaan;
- 3.20 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/ Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/ program/ aktiviti sekolah;
- 3.21 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/ hebahan digital/ sijil** untuk semakan Jabatan Pendidikan Negeri sebelum diedarkan;
- 3.22 sekiranya cuaca ekstrim seperti panas terik, hujan lebat, petir atau angin kencang, pihak penganjur perlu menangguhkan atau membatalkan aktiviti pada hari tersebut dan pastikan murid berlindung di tempat yang selamat;
- 3.23 pihak penganjur hendaklah memastikan tiada sebarang aktiviti, program atau mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada hari Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima;
- 3.24 penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar yang sedang berlangsung sekiranya suhu lebih 35°C dan IPU melebihi 100;

- 3.25 pihak penganjur tidak boleh membuat jualan terus dagangan kepada murid dan guru atau mengadakan pameran demonstrasi sebagai promosi dagangan kecuali dijalankan pada hari-hari tertentu seperti Hari Sukan, Hari Terbuka, Karnival dan lain-lain yang berkaitan;
- 3.26 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.27 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat. (SPI Bil.5/2018);
- 3.28 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.29 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 3.30 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
- 3.31 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (seperti pemupukan integrity, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain);
- 3.32 pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster, gegantung, hebahan digital atau sijil untuk semakan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor sebelum diedarkan;

- 3.33 sekiranya program/aktiviti yang menuntut pengiktirafan, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan** (format seperti di Lampiran C) kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program**. Walau bagaimanapun, pengiktirafan program akan diberikan tertakluk kepada tarikh tutup perekodan Modul Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu, iaitu pada atau sebelum 30 November 2026;
- 3.34 penggunaan logo Jabatan Pendidikan Negeri Selangor tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Permohonan penggunaan logo Jabatan Pendidikan Negeri Selangor perlu dikemukakan kepada Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pendidikan beserta dokumen lengkap, selaras Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPM yang boleh dirujuk melalui pautan <https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>;
- 3.35 pihak penganjur perlu menyediakan kemudahan penyejukan (*cooling facilities*) dan memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti;
- 3.36 pihak penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C;
- 3.37 bagi lawatan daripada pihak luar negara, pihak pelawat/penganjur hendaklah mengemukakan surat kelulusan daripada pihak berautoriti daripada negara tersebut;
- 3.38 **Surat Setuju Terima (seperti lampiran B) hendaklah dikemukakan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dalam masa dua (2) minggu selepas menerima Surat Kebenaran/Sokongan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor;** dan
- 3.39 Jabatan Pendidikan Negeri Selangor berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran penganjuran program sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa hadapan.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Virtual Innovation Competition** bagi penganjuran dan pelibatan guru dan murid bagi **Program Innovation And Entrepreneurship Expo (INEX26) 1st Edition 2026 Anjuran Digit360 Sdn. Bhd.** pada **01 Jun hingga 25 Oktober 2026 sahaja.** Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan program sila hubungi **Puan Noorzihan binti Samah, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor** melalui talian **03-55138242.**

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN WAN NOR ASHIKIN BINTI ABU KASSIM)

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

NZS/DIGIT360/14726

s.k

1. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Selangor

LAMPIRAN A

1. **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988:** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
2. **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/1995:** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
3. **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/2005:** Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu;
4. **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/2009:** Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;
5. **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 5/2018:** Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
6. **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 9/2023:** Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023;
7. **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.2/2016:** Peringatan Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu;
8. **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010:** Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar; dan
9. **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3 Tahun 2023:** Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas KPM.100-1/3/2 Id.7(3).
10. Manual Kod Sukan Selamat (Kementerian Belia dan Sukan).
11. Mematuhi semua pekeling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa

LAMPIRAN B

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami :

Tarikh :

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4

40604 Shah Alam,

SELANGOR DARUL EHSAN

(u.p.: Unit Pembangunan Bakat Murid)

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM (NAMA PROGRAM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bernombor rujukan XXXXXXXXX bertarikh XXXXXX adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan / menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan / tajaan program / aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.39 dalam surat Maklum Balas Permohonan Penganjuran dan Pelibatan Guru dan Murid bagi program (nama program) mulai XXXXX hingga XXXXX.

3. Pihak (nama agensi penganjur) akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dilaksanakan kepada JPN Selangor **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi (nama pegawai) di talian (nombor telefon bimbit) atau (e-mel).

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
(nama)

Jawatan

Cop Rasmi Penganjur:

LAMPIRAN C

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program:
 2.0 Anjuran:
 3.0 Tarikh (Tempoh Pelaksanaan):
 4.0 Tempat Pelaksanaan:
 5.0 Mod Pelaksanaan: (Bersemuka/dalam talian/hibrid)
 6.0 Peringkat Penyertaan: Kebangsaan/Antarabangsa
 7.0 Butiran Penyertaan:

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

8.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:

9.0 Peruntukan / Perbelanjaan: (***)Jika berkaitan)

10.0 Tetamu Kehormat (VIP) (Jika berkaitan):** Jawatan rasmi

: Peranan (perasmian/penyampaian hadiah/penutup)

11.0 Pemenang: (Jika berkaitan)**

KATEGORI PERTANDINGAN				
Kedudukan	Nama murid	Sekolah	Kod Sekolah	Daerah
Pertama				
Kedua				
Ketiga				
Keempat				
Kelima				

12.0 Isu dan cabaran:

13.0 Cadangan penambahbaikan:

14.0 Gambar (3 hingga 5 gambar sahaja):

Disediakan Oleh:

Tarikh:

Disemak oleh:

Tarikh: